



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

KENYATAAN MEDIA

KUSKOP IKTIRAF APLIKASI INOVASI SYARIKAT BUMIPUTERA TEMPATAN MELALUI PEMBIAYAAN GERAN INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN VENDOR AUTOMOTIF

RAWANG, 4 Jun 2024 – YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi hari ini merasmikan Majlis Penyempurnaan Projek: “Automated Storage And Retrieval System” (ASRS) oleh Syarikat Ingress AOI Technologies Sdn Bhd (IATSB). Syarikat tersebut adalah penerima Geran Inovasi dan Pengkomersialan Vendor (GIPV) dibawah Program Pembangunan Vendor (PPV), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bagi industri automotif.

GIPV merupakan bantuan dalam bentuk geran bagi merangsang pertumbuhan dan kejayaan inovasi oleh syarikat vendor Bumiputera dengan meningkatkan tahap penyelidikan dan pengkomersialan dalam operasi pembuatan dan pengurusan perkhidmatan untuk menjadi lebih kompetitif.

IATSB yang merupakan salah satu vendor Bumiputera PERODUA telah menerima geran bernilai RM1 juta bagi memperkasakan inovasi dan mewujudkan solusi untuk meningkatkan kecekapan dalam mengintegrasikan teknologi *Enterprise Resource Planning* bersama

Automated Storage Warehousing Retrieval System dengan menggunakan “Internet of Things” (IOT).

IATSB mengadaptasi teknologi terkini dalam pengkhususan robotik dan automasi untuk meningkatkan kecekapan operasi dan meminimakan kos. Sistem penyimpanan dan pengambilan automatik yang dibangunkan merupakan sistem kawalan komputer yang mampu mengenal pasti, menyusun dan memindahkan item dalam storan bertingkat tinggi dengan operasi manusia yang minimum, peralatan sokongan yang minima dan tahap produktiviti yang tinggi.

YB Datuk Ewon Benedick berkata, peranan yang dimainkan oleh rakan strategik swasta seperti PERODUA dalam merealisasikan PPV ini amatlah penting dalam memastikan ia berjaya.

“Pencapaian ini adalah bukti komitmen berterusan syarikat tempatan yang harus dicontohi oleh usahawan Malaysia kerana kita perlu sentiasa mengadaptasikan kepakaran dan inovasi serta mengintegrasikan teknologi terkini jika ingin kekal relevan dan berdaya saing dalam industri ini,” katanya.

Pengiktirafan ini merupakan hasil kerjasama yang erat antara PERODUA, vendor Bumiputera tempatan dan pihak Kerajaan bagi melaksanakan reformasi ekonomi serta infrastruktur sejajar dengan hasrat Kerajaan dalam Gagasan Malaysia MADANI sekali gus membantu Malaysia muncul sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

4 Jun 2024